

Tajuk :Keberkesanan Pembelajaran Arahan-Kendiri

*Oleh; Dr. Sajap Maswan
Jabatan Teknologi Pendidikan
Institut Perguruan Tuanku Bainun
Tahun 2006*

Pembelajaran arahan – sendiri ialah kaedah pembelajaran yang memberikan kebebasan kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran tanpa kawalan berterusan daripada guru. Pelajar tersebut mempunyai kebebasan dalam membuat keputusan berkenaan dengan pembelajaran yang diikutinya dan melaksanakan keputusan tersebut (Dikson,1987). Menurut beliau lagi bahan-bahan pembelajaran arahan-kendiri merangkumi bahan-bahan bercetak, audio,video, permainan dan bahan-bahan berasaskan komputer. Bahan-bahan tersebut boleh didapati dari tiga sumber, iaitu bahan-bahan autentik, bahan yang boleh didapati di pasaran dan bahan yang disediakan oleh guru. Setiap bahan mestilah memenuhi syarat iaitu, memberi kebebasan kepada pelajar untuk membuat pilihan terhadap tugas yang dikehendaki dan seterusnya menerima maklum balas terhadap tugas yang dilakukan oleh mereka (Sheerin,1991). Situasi pembelajaran arahan-kendiri ini bermakna pelajar boleh menggunakan sendiri bahan tersebut tanpa perlu ada guru di sisi.

Beberapa kajian tentang pembelajaran arahan-kendiri didapati lebih berkesan. Menurut kajian Gray (1987) mendapati pelajar yang diberi peluang mengawal pelajarannya sendiri mendapat skor yang lebih baik dalam ujian serta-merta, jika dibandingkan dengan pelajar yang mengikuti pelajaran yang dikawal oleh perisian komputer, ini adalah kerana pelajar memainkan peranan yang aktif semasa pembelajaran sedang berlaku.

Merrill (1964) dan Tennyson (1980) berpendapat pelajar patut diberi kebebasan mengawal pembelajaran sendiri. Walau bagaimanapun pelajar tersebut seharusnya diberi latihan yang sesuai dan menunjukkan keupayaan berbuat demikian. Pandangan ini tidak disetujui oleh Reiser (1984) yang mengatakan kebebasan yang diberi kepada pelajar mungkin disalah gunakan dan pelajar cenderung membuang masa semasa mengikuti pembelajaran.

Hannafin dan Calamaio (1987) mengatakan bahawa terdapat beberapa kelebihan pembelajaran yang dikawal oleh pelajar dengan menggunakan multimedia interaktif antaranya ialah;

- i. Individualisi pembelajaran yang lebih tinggi.
- ii. Rasa tanggungjawab terhadap pembelajaran yang lebih tinggi.
- iii. Potensi untuk memaksimumkan kesan pembelajaran yang lebih tinggi.

Satu kajian berkaitan kawalan pengguna telah dilaksanakan oleh Avnerimoore dan Smith (1980). Dalam kajian tersebut pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan. Satu kumpulan mengikuti pelajaran dari satu langkah ke satu langkah dengan dikawal oleh perisian komputer. Satu kumpulan lagi diberi kebebasan sepenuhnya mengawal bahan pembelajaran. Hasil dari kajian tersebut didapati perbezaan yang signifikan. Kumpulan yang belajar dengan kawalan perisian komputer mendapat pencapaian yang lebih baik. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kebebasan kepada pengguna untuk mengikuti pembelajaran arahan-kendiri ada hadnya.

Oleh itu perrekabentuk perisian haruslah memberi cadangan kepada pengguna agar memilih bilangan atau jenis latihan, contoh-contoh, setatus pencapaian atau kemudahan-kemudahan lain. Dengan itu para pelajar dapat mengawal pembelajaran dengan berkesan. Menurut Jamaludin (1996) kawalan pengguna dapat diwujudkan dengan membenarkan pengguna menggunakan keupayaan mereka untuk mula, berhenti, 'review' atau 'preview' dan ini semua bergantung kepada tahap kawalan yang diberikan.

Bibliografi:

Dickinson,L (1987), *Self-instructions in language learning*, Cambridge University Press.

Jamaludin Mohaidin, (1996), *Interaktiviti dalam rekabentuk multimedia* , Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan IX, Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Johor Bahru: 81-91

Jamaludin Mohaidin, (1996), *Interaktiviti dalam rekabentuk multimedia* , Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan IX, Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Johor Bahru: 81-91

Merrill, M. D. (1983). *Component display theory. In C. M. Reigeluth (Ed.), Instructional-design theories and models: An overview of their current status*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers

Sheerin, S (1991) *The infiNET possibilities*, English teachers on the internet, English Teaching Forum : 35(1) :16-25.